

25 JUN 2002  
Mahathir-undur  
DR MAHATHIR BERUNDUR SELEPAS OKTOBER 2003

KUALA LUMPUR, 25 Jun (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan meletakkan jawatan sebagai Perdana Menteri selepas Oktober tahun depan dan mengesahkan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai penggantinya.

Setiausaha Agung Umno Tan Sri Khalil Yaakob mengumumkan demikian selepas mesyuarat khas Majlis Tertinggi parti itu di sini hari ini yang diadakan ekoran pengumuman peletakan jawatan Dr Mahathir sebagai presiden Umno dan pengerusi Barisan Nasional pada perhimpunan agung Umno 2002 Sabtu lalu tetapi hasil rayuan MT, kemudiannya bersetuju untuk terus menerajui kerajaan dan parti bagi menjamin peralihan kuasa yang teratur kepada timbalannya.

Dalam kenyataan MT yang dibacakannya, Khalil berkata mesyuarat khas hari ini telah menerima penangguhan peletakan jawatan Dr Mahathir manakala Abdullah akan mengambil alih daripada Dr Mahathir selepas Perdana Menteri mempengerusikan sidang kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC).

Mesyuarat khas itu diadakan bagi membincangkan laporan Jawatankuasa Pengurusan Umno yang telah mengadakan pertemuan dengan Dr Mahathir di Seri Perdana pada pagi Ahad lepas.

Jawatankuasa itu diberi mandat oleh MT pada mesyuaratnya pada malam 22 Jun lepas untuk membincangkan formula tolak ansur yang meminta Dr Mahathir terus memimpin Umno dan kerajaan bagi satu tempoh peralihan kuasa.

Dr Mahathir mengejutkan negara Sabtu lepas apabila beliau mengumumkan pada perhimpunan agung Umno keputusannya untuk melepaskan jawatannya yang dipegangnya selama 21 tahun. Beliau menarik balik keputusannya itu selepas ditolak oleh anggota MT dan para perwakilan Umno yang mahu beliau supaya terus menerajui kerajaan dan parti.

Dr Mahathir, yang kini bercuti selama seminggu di Itali, dijangka kembali ke tanah air pada 3 Julai ini.

Dalam sidang berita yang disiarkan secara langsung menerusi RTM dan TV3, Khalil berkata dalam tempoh sebelum persidangan OIC yang dijadualkan pada 24 Okt hingga 25 Okt, Dr Mahathir akan terus memegang semua jawatan dalam Umno, BN dan kerajaan termasuk jawatan Menteri Kewangan.

Katanya dalam tempoh masa sebelum persidangan OIC tersebut, Dr Mahathir akan mengambil cuti selama dua bulan dan Abdullah akan dilantik sebagai Pemangku Presiden Umno dan Pemangku Perdana Menteri.

Ditanya pemberita kemudian, Abdullah menjelaskan bahawa Dr Mahathir akan mengambil cuti dua bulan itu antara sekarang sehingga tempoh sebelum persidangan OIC.

Menurut kenyataan itu, Abdullah juga akan memangku jawatan Presiden Umno dan Perdana Menteri pada bila-bila masa lain dalam tempoh tersebut apabila Dr Mahathir mengambil cuti.

Beliau berkata Dr Mahathir telah menjelaskan bahawa tempoh masa peletakan jawatan seperti yang ditetapkan ialah untuk membolehkan peralihan kuasa dan tugas-tugas secara teratur.

Masa peletakan jawatan itu juga untuk memenuhi tanggungjawab yang beliau merasakan perlu dipenuhi, seperti mempengerusikan Persidangan Kemuncak Negara-negara Berkecuali pada 24 dan 25 Feb 2003 dan juga sidang kemuncak OIC, katanya.

Khalil berkata Dr Mahathir juga menyatakan kesediaan untuk terus menyumbang tenaga dan pandangan untuk kemajuan Umno selepas melepaskan jawatan dalam parti itu, BN dan kerajaan.

MT, dalam kenyataan dua muka surat itu, juga menyatakan Dr Mahathir

menghendaki semua ahli Umno sentiasa bekerjasama dan mengukuhkan parti untuk kejayaan perjuangan Umno.

MT juga berkata ia menghormati dan menerima hasrat Dr Mahathir selain anggota Umno menghormati hasrat Perdana Menteri itu serta bersatu untuk sama-sama mengukuhkan kedudukan parti bagi menghadapi cabaran meneruskan perjuangan untuk bangsa, agama dan negara,

Abdullah, pada sidang media yang sama, berkata semua anggota MT, dan Badan Perhubungan Umno negeri-negeri yang mengadakan pertemuan sesama mereka sebelum mesyuarat khas MT itu, setelah mendengar laporan Jawatankuasa Pengurusan, menyokong segala keputusan dan penetapan yang dibuat oleh Dr Mahathir.

"Ini bermakna sokongan adalah 100 peratus, jika ada apa-apa andaian Majlis Tertinggi akan berbalah, itu tidak timbul," katanya.

Beliau juga berkata Dr Mahathir sebagai pemimpin yang berfikir secara teliti, tentu sekali telah menetapkan supaya ada tempoh peralihan kuasa secara teratur.

"Saya amat terharu dengan sokongan yang telah diberikan oleh MT kepada apa yang dihasratkan oleh Perdana Menteri," katanya.

Abdullah berkata beliau yakin perpaduan parti akan terus kukuh dengan semangat bersatu padu dan bermuafakat yang ditunjukkan oleh parti khususnya oleh anggota MT, dan ini akan dapat mengatasi apa jua masalah.

"Jika ada sesiapa yg nak buat andaian setelah Perdana Menteri (Dr Mahathir) tak ada lagi, kita akan jadi kelam kabut, saya ingat ini tidak akan berlaku dengan semangat yang ditunjukkan pada mesyuarat yang diadakan tadi," katanya.

Timbalan Perdana Menteri berkata beliau akan menjalankan tugasnya sebaik mungkin sebagai Pemangku Perdana Menteri apabila Dr Mahathir mengambil cuti.

"Saya akan jalankan kerja yang baik dengan setia tanpa menimbulkan keraguan kepada beliau," katanya.

Abdullah berkata beliau akan memaklumkan kepada Dr Mahathir apabila hendak mengambil sesuatu keputusan "kerana dua bulan terlalu lama" dan beliau (Dr Mahathir) harus tahu apa yang sedang berlaku di tanah air dan kerajaan.

Ditanya sama ada beliau akan turut memangku jawatan Menteri Kewangan apabila Dr Mahathir bercuti, beliau berkata: "Selama ini pun begitu juga. Apabila beliau keluar negeri, hal-hal berkait dengan Kementerian Kewangan saya akan bertanggung jawab."

Ditanya sama ada mesyuarat MT hari ini membincangkan soal pemilihan parti pada tahun depan, Abdullah berkata hal berkaitan dengan mesyuarat agung yang akan datang tidak timbul masa ini.

"Yang dibincangkan hari inialah yang berkaitan dengan hasrat (peletakan jawatan) Perdana Menteri," katanya.

Ketua Pemuda Umno Datuk Hishammuddin Tun Hussein pula berkata beliau akan memastikan sokongan anggota pergerakan itu tidak akan berbalah bagi dalam proses peralihan itu.

Beliau berkata pergerakan itu akan terus bekerja sebagai satu pasukan yang padu untuk menjayakan perjuangan parti.

Hishammuddin juga merakamkan penghargaan pergerakan itu terhadap sumbangan Dr Mahathir selama ini serta kesanggupannya terus memegang jawatan bagi membolehkan peralihan kuasa berlaku secara teratur.

--BERNAMA

ZS MKO MAI